

# Penghayatan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Remaja Sekolah

Mumtazah Othman  
Nurizan Yahaya

## Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja. Sampel kajian terdiri daripada 900 orang pelajar sekolah menengah terpilih di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Soal selidik meliputi maklumat sosio-demografi responden dan penghayatan terhadap nilai-nilai murni (mengandungi 20 nilai kehidupan yang diukur menggunakan 4 skala Likert, dari 1 tidak memuaskan hingga 4 cemerlang). Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai tahap penghayatan nilai-nilai murni yang agak baik. Tahap penghayatan yang paling tinggi adalah bagi nilai bersih diikuti dengan nilai bersyukur dan penyayang. Tahap penghayatan paling rendah adalah nilai bermotivasi, tekun dan gigih. Kecenderungan responden kepada penghayatan nilai yang baik dalam kehidupan boleh membantu meningkatkan prestasi akademik dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan hidup di masa hadapan.

## Abstract

*The objective of this study is to examine the level of internalization of noble values among teenagers. Samples of the study consisted of 900 secondary school children from selected schools in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. Data were collected using self-administered questionnaires in the classroom. Variables included in this study were sociodemographic and internalizations of noble values (20 values were measured using 4 points Likert Scale- from 1, unsatisfactory to 4, excellence). Results of the study indicate that most respondents had moderate level of internalization of noble values. The highest level of internalization was on cleanliness, followed by being grateful and caring. The lowest levels of internalizations were on motivation, hardworking and diligence. The highest level of internalization of noble values in life would improve their academic achievement and later will contribute to their future wellbeing.*

## Pengenalan

Di Malaysia, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam kehidupan adalah sebahagian daripada pelbagai usaha kerajaan untuk memasukkan nilai yang baik dalam kehidupan rakyat. Penekanan ke atas penghayatan nilai kehidupan yang jelas merupakan unsur terpenting dalam usaha untuk membentuk identiti warganegara Malaysia. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai pegangan nilai kehidupan yang mantap mungkin akan menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha untuk mengembangkan nilai-nilai mereka ke atas bangsa tersebut. Bagi masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dan menjalani cara hidup yang berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai yang dapat diterima oleh semua rakyat adalah menjadi asas dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan rakyat. Tanpa penerimaan nilai-nilai hidup yang mulia dan dikongsi bersama, tidak mungkin identiti yang membanggakan dapat dicapai oleh sesuatu bangsa. Nilai-nilai murni yang ditekankan dalam cabaran Wawasan 2020 adalah amanah, tanggungjawab, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, berpandangan jauh, sederhana, bekerjasama, budi mulia dan nilai kerohanian (Kamarudin dan Hazami, 1993).

Salah satu kelompok masyarakat yang sering dikaitkan dengan masalah disiplin, keruntuhan akhlak dan gejala sosial adalah golongan remaja khususnya pelajar sekolah. Sekiranya masalah remaja dibiarkan maka masa depan negara amat membimbangkan kerana bertambahnya bilangan remaja yang bermasalah yang bakal menjadi warganegara Malaysia. Tambahan pula mereka ini dianggap kelompok yang akan menjadi pelapis kepada pemimpin negara pada masa hadapan. Salah satu punca kewujudan masalah tersebut sering dikaitkan dengan kurangnya penekanan ke atas penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Hal ini menunjukkan bahawa nilai-nilai murni masih belum dapat diterapkan dengan memuaskan dalam diri remaja.

Umumnya masyarakat berpendapat bahawa akhlak dan tingkah laku yang baik adalah merupakan suatu faktor hidup yang amat penting dalam kehidupan remaja. Untuk melahirkan akhlak yang tinggi adalah perlu bagi para remaja mengamalkan nilai-nilai murni yang telah diterapkan sama ada di rumah, mahupun semasa berada di alam persekolahan. Kesedaran tentang penghayatan nilai-nilai murni perlu disemai dan diterapkan dalam diri remaja mulai zaman kanak-kanak lagi. Ibu bapa, guru-guru dan masyarakat masing-masing berperanan dalam memberi teladan kepada kanak-kanak agar mereka dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi dalam masyarakat berlandaskan kepada nilai murni yang dihayati kerana mereka ibarat kain putih yang perlu dicorakkan dengan warna-warna nilai yang baik. Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah daripada rebungnya". Walau bagaimanapun terdapat juga para remaja yang masih tidak mengamalkan dan menghayati nilai-nilai yang positif dalam kehidupan.

Kemajuan dan perubahan hidup menuntut nilai murni diaplikasikan dalam kehidupan supaya akhirnya dapat menjadi seorang insan terdidik. Penekanan

perlu diberikan dalam kalangan semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama kerana pemupukan nilai murni penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cara paling berkesan, bagaimana nilai dapat dijadikan sumber contoh ialah menerusi tingkah laku dan penghayatan ditunjukkan ibu bapa, guru dan masyarakat. Teladan boleh memberi kesan positif terhadap pembangunan akhlak anak-anak khususnya remaja.

Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni telah dilancarkan sejak tahun 2006. Kempen tersebut bertujuan untuk memastikan rakyat bukan hanya mempunyai kemahiran pendidikan tinggi tetapi juga menghayati nilai-nilai murni. Setelah hampir empat tahun kempen tersebut dilancarkan, persoalannya, bagaimakah tahap amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan masyarakat, khususnya remaja masa kini? Sejauh manakah nilai-nilai murni yang dijadikan asas dalam kehidupan seharian dihayati dan diamalkan oleh remaja? Adakah terdapat perbezaan di antara kaum, gender, agama, latar belakang keluarga di antara remaja dari segi tahap penghayatan nilai-nilai dalam kehidupan mereka? Menyedari hakikat ini, kajian ini dijalankan untuk mengukur tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Justeru, penerapan budaya hidup yang berorientasikan nilai-nilai murni perlu diberi penekanan oleh semua golongan remaja. Penerapan nilai-nilai murni yang positif dapat membantu golongan ini, membentuk matlamat hidup yang jelas, membuat keputusan yang rasional, di samping dapat menyemai elemen-elemen yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi akademik. Selain itu, amalan hidup yang berteraskan orientasi nilai yang murni oleh golongan remaja dalam semua aspek kehidupan dapat menyumbang kepada kejayaan negara ke arah merealisasikan cabaran dalam Wawasan 2020.

Kajian ke atas penghayatan nilai dapat memberi gambaran tentang arah dan orientasi kehidupan remaja sekolah masa kini dan masa hadapan. Hal ini dapat memberi gambaran tentang budaya hidup remaja masa kini dan dapat mengukur tahap persediaan masyarakat ke arah memenuhi cabaran dalam Wawasan 2020. Menurut Feather (1975) dan Rokeach (1968 dan 1973), kajian ke atas nilai manusia adalah penting bukan hanya dapat memahami budaya hidup dan proses sosialisasi, malah juga dapat memahami aspek psikologi dan orientasi kehidupan seseorang.

## **Objektif**

Berdasarkan beberapa soalan yang dikemukakan, kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja sekolah menengah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kajian ini juga turut meneliti sama ada terdapat perbezaan dari segi tahap penghayatan nilai mengikut faktor latar belakang terpilih (gender, etnik, pendidikan ibu bapa dan kedudukan

dalam ahli keluarga). Perkaitan antara tahap penghayatan nilai dengan prestasi akademik juga akan diukur.

## Sorotan Literatur

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Menurut Wan Mohd Nor (1996) nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama untuk membentuk kehidupan penganutnya supaya menjadi baik dan berakhhlak mulia.

Matlamat Dasar Pendidikan Negara adalah untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, berpengetahuan, bertanggungjawab, berkebolehan, berwawasan dan terlatih. Kesemua 16 nilai yang dipilih untuk disisipkan ke dalam pendidikan adalah nilai-nilai yang dapat menjadikan seseorang itu manusia yang dihormati dan boleh memainkan peranan yang aktif dalam menjamin keharmonian dalam masyarakatnya serta dapat menyumbang ke arah pembangunan masyarakat. Nilai-nilai tersebut adalah semangat bermasyarakat, rasional, kesyukuran, kesedaran, kerjasama, kerajinan, kejujuran, kebersihan fizikal dan mental, keberanian, kebebasan, keadilan, kasih sayang, hormat menghormati, hemah tinggi, berdikari dan baik hati. Secara keseluruhannya, ia merupakan nilai yang positif yang boleh diterima oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Tujuan pendidikan nilai murni ialah untuk membentuk pelajar supaya berperibadi mulia dan mampu dalam membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Kepentingan nilai dalam kehidupan ditekankan juga oleh pengkaji dari negara barat. Menurut Baumeister (1991) seseorang itu mengalami kehidupan yang bermakna jika ia memenuhi empat keperluan iaitu: mempunyai hala atau tujuan hidup, dapat mengawal kehidupan, mempunyai asas yang kuat terhadap kendiri yang positif dan mempunyai nilai-nilai yang menentukan tindakan. Battista dan Almond (1993) pula menyatakan semakin kuat pegangan seseorang kepada sesuatu nilai, maka semakin tinggi makna kehidupan kepadanya. Kenyataan ini disokong oleh Debats (1999) yang menekankan bahawa kehidupan yang bermakna adalah berteraskan kepada komitmen seseorang terhadap nilai yang dipegangnya. Penjelasan ini menunjukkan bahawa penghayatan nilai kehidupan yang baik memainkan peranan penting dalam kehidupan seseorang.

Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) mendefinisikan nilai sebagai suatu pola prinsip kehidupan yang kompleks dan khusus yang memberi arah dan hala tuju kepada segala tingkah laku dan pemikiran individu yang berkait dengan penyelesaian masalah yang biasa dihadapi oleh manusia. Menurut Deacon dan Firebaugh (1988), sistem nilai merupakan satu struktur bersepada yang merangkumi aspek-aspek seperti keperluan, sikap dan minat serta model tingkah

laku yang diterima oleh masyarakat. Sistem nilai ini boleh mempengaruhi tingkah laku individu dalam semua aspek kehidupan. Ini jelas menunjukkan pegangan nilai yang positif amat penting dan bermakna dalam kehidupan seseorang. Ia merupakan sesuatu yang murni dan dapat memberi kepuasan yang tinggi jika dapat dipenuhi.

Menurut Mohd. Kamal (1983), Islam menekankan keseimbangan dan kesepadan antara keperluan fizikal dan nilai moral serta kerohanian bukan saja perlu wujud dalam diri seseorang tetapi juga dalam masyarakat dan tamadun. Hak dan kewajipan tertentu individu mendapat tempat istimewa tetapi tuntutan kesejahteraan ummah/masyarakat boleh mengatasi kepentingan individu. Menurut perspektif ini, tuntutan kesatuan rohani dan jasmani menghasilkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat yang dipanggil *Al-Falah*. Walaupun nilai *Al-Falah* lebih menekankan perlakuan moral dan rohani tetapi tidak bererti keperluan material tidak dipentingkan. Perspektif ini juga tidak menjadikan keperluan material sebagai tujuan akhir bagi perlakuan peribadi dan kolektif. Ia berpendapat adalah amat keliru jika kualiti kehidupan hanya merujuk kepada pendapatan per kapita, kemudahan pengangkutan, kesihatan dan faktor alam sekitar tanpa mengambil kira nilai moral dan sosial. Nilai adalah ukur tara yang memberikan manusia pedoman mengenai buruk baik sesuatu. Bercakap benar umpamanya adalah nilai dan amalan baik. Jika kebenaran yang disampaikan, maka kebenaran juga diterima. Apabila kita berdusta, maka ia akan memudaratkan diri dan orang lain. Sama ada nilai itu diambil daripada sumber agama atau falsafah, ia memberi manusia pedoman dan batasan mengenai sesuatu yang serasi dengan fitrah insan. Bagi orang Islam umpamanya, nilai Islamik menjadi sumber ukur tara dijadikan pedoman dan jalan.

Nilai-nilai kehidupan individu dibentuk atau diperoleh secara berterusan sejak daripada kecil lagi melalui proses sosialisasinya dengan anggota keluarga. Penerapan dan perubahan nilai-nilai yang dipegang juga berlaku hasil interaksi individu terhadap pengalaman yang diperolehnya dalam pelbagai situasi. Ini berlaku hasil daripada kesedaran akan kebenaran sesuatu situasi, kelakuan dan tindakan setelah dipertimbangkan atas asas moral atau nilai-nilai utama masyarakat (Zainal, 2004). Justeru, boleh dikatakan bahawa pembentukan nilai adalah berbeza antara individu dan boleh berubah, bergantung kepada interaksinya dengan persekitaran khususnya masyarakat sekeliling.

Menurut Spranger pula (1966), terdapat enam jenis nilai personal yang ditunjukkan oleh individu iaitu (1) Nilai teori yang merupakan landasan kepada tindakan individu secara rasional dan logik, (2) Nilai sosial yang merupakan tindakan yang mengambil kira kesan dan kepentingan orang lain, (3) Nilai politik yang berkait rapat dengan prestij dan kuasa dan kebiasaannya tindakan dibuat berlandaskan lebih untuk kepentingan diri atau kelompok sendiri, (4) Nilai ekonomi merupakan tindakan yang berlandaskan kepada keuntungan atau kewangan, (5) Nilai keagamaan yang berkaitan dengan amalan yang baik atau murni dan (6) Nilai seni merupakan tindakan yang berlandaskan pengaruh keindahan dan keharmonian secara menyeluruh. Nilai-nilai tersebut telah

menjadi pegangan hidup bagi kebanyakan individu dalam sesebuah masyarakat. Gross, et. al (1980) membahagikan nilai kehidupan kepada tiga kategori yang asas iaitu: nilai personal, nilai moral dan nilai sosial. Nilai personal merupakan ciri atau tingkah laku individu yang dilihat dalam kehidupan mereka sehari-hari seperti berdisiplin, mementingkan kejayaan dan kualiti yang tinggi dalam setiap pekerjaan yang dilakukan, menekankan kerja yang bermatlamat, menekankan kepentingan masa dan ketekunan dalam melaksanakan sesuatu tugas yang dipertanggungjawabkan. Nilai moral pula ditunjukkan melalui tingkah laku individu yang mengutamakan sifat kejujuran, kesabaran, keamanan, bertimbang rasa, kebenaran, kebersihan dan keikhlasan. Nilai sosial pula dapat dilihat melalui sifat individu dalam bentuk kerjasama, berdikari, sikap toleransi, hormat menghormati, kasih sayang dan kesetiaan.

Pada asasnya manusia memegang lebih daripada satu nilai dan orientasi nilai kehidupan di antara individu dalam masyarakat boleh dianggap hampir sama. Apa yang berbeza adalah dari segi susunan keutamaan atau kepentingan yang diletakkan terhadap nilai-nilai tersebut, tafsiran yang dibuat (makna sebenar) dan tahap penekanan yang diberikan dalam kehidupan. Perbezaan dalam orientasi nilai akan membentuk kepelbagaiannya dalam cara gaya kehidupan individu dalam sesebuah masyarakat.

Kajian oleh Dio et.al (1996) terhadap perbandingan orientasi nilai di antara gender mendapati, terdapat perbezaan antara wanita dan lelaki dari segi keutamaan yang diletakkan ke atas beberapa nilai terpilih. Responden lelaki lebih mengutamakan nilai-nilai kehidupan seperti keceriaan hidup, penghargaan sosial, kestabilan hidup, kejayaan dan kebebasan; manakala wanita lebih mengutamakan nilai-nilai sahabat yang sejati, kasih sayang, keharmonian, kegembiraan, kecantikan dan kestabilan keluarga. Schwartz dan Bilsky (1987) telah mengklasifikasikan nilai pegangan lelaki seperti kejayaan dan penghargaan sosial sebagai kepentingan individu (*individualistic interest*) dan nilai-nilai pegangan wanita sebagai kepentingan kelompok (*collectivistic interest*). Menurut Van Lange dan Liebrand (1991), rumusan daripada beberapa kajian menjelaskan secara asasnya terdapat tiga jenis orientasi nilai sosial iaitu nilai kerjasama (untuk kepentingan diri sendiri dan orang lain); nilai individualistik (memaksimumkan kepentingan diri sendiri); dan persaingan (memaksimumkan kepentingan diri berbanding orang lain).

Perbincangan di atas jelas menunjukkan setiap kelompok masyarakat memberi keutamaan kepada nilai yang berbeza-beza. Nilai adalah satu ukuran abstrak yang dipersetujui secara bersama dalam satu masyarakat dan budaya untuk menentukan cara gaya berfikir dan bertingkah laku untuk mencapai sesuatu matlamat. Kepentingan yang diletakkan ke atas sesuatu nilai boleh berubah selaras dengan tuntutan persekitaran dan dengan keperluan untuk mencapai matlamat semasa.

## **Metodologi Kajian**

Bahagian ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Aspek yang diterangkan termasuk lokasi dan pensampelan, peralatan dan pengumpulan data serta penganalisisan data.

**Lokasi kajian:** Kajian dijalankan di sekolah menengah terpilih di kawasan bandar dan pinggir bandar yang mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia (zon utara, timur, barat dan selatan), Sabah dan Sarawak. Pemilihan lokasi kajian dilakukan secara rawak mudah berlapis. Negeri yang terpilih mewakili setiap zon adalah Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu. Manakala lokasi sekolah terpilih mewakili setiap negeri mengikut zon masing-masing adalah di Seberang Perai (Pulau Pinang), Besut (Terengganu), Shah Alam (Selangor), Johor Bahru dan Kluang (Johor), Kota Kinabalu dan Kuching. Pemilihan sekolah dilakukan secara rawak mudah berlapis.

**Sampel Kajian:** Sampel kajian terdiri daripada 900 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah yang dipilih secara rawak mudah berlapis. Pelajar terlibat adalah mewakili kelas aliran sains dan sastera. Semua pelajar bagi kelas terpilih telah dijadikan responden kajian.

**Instrumen kajian:** Peralatan kajian merupakan borang soal selidik yang meliputi maklumat sosio-demografi responden, dan persepsi terhadap penghayatan nilai-nilai murni. Sebanyak 20 jenis nilai murni disenaraikan. Tahap penghayatan nilai diukur menggunakan 4 skala Likert iaitu daripada 1=tidak memuaskan, 2=memuaskan, 3=baik dan 4=cemerlang. Tiga komponen nilai diberi tumpuan dalam kajian ini iaitu nilai personal, nilai moral dan nilai sosial. Cronbach's Alpha bagi nilai personal ialah 0.882, nilai moral ialah 0.786 dan nilai sosial pula ialah 0.862.

**Pengumpulan data dan penganalisisan data:** Data dikumpul secara mengedarkan borang soal selidik dan diisi sendiri oleh responden di dalam kelas. Mereka diminta untuk memberikan penilaian kepuasan mereka terhadap kenyataan nilai yang diberikan. Nilai min digunakan untuk membuat perbandingan di mana lebih tinggi nilai min, lebih tinggi penilaian responden terhadap penghayatan nilai-nilai yang disenaraikan. Pengumpulan data telah dilakukan dalam tahun 2008. Ujian statistik t dan analisis varians satu hala telah dilakukan untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan di antara beberapa faktor sosio-demografi iaitu jantina, etnik, latar belakang keluarga responden (tahap pendidikan) dengan tahap penghayatan nilai-nilai yang dikaji. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk meneliti perkaitan di antara tahap penghayatan nilai murni dengan tahap pencapaian gred dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perbincangan seterusnya hanya dibuat ke atas keputusan ujian yang signifikan pada paras  $p \leq 0.05$  sahaja.

## **Hasil Kajian**

Bahagian ini dimulakan dengan membincangkan ciri-ciri demografi responden. Ia diikuti dengan perbincangan mengenai persepsi terhadap penghayatan nilai-nilai kehidupan. Analisis berdasarkan perbandingan faktor sosioekonomi terpilih mengikut nilai kehidupan dilakukan pada akhir perbincangan.

### **Ciri Sosiodemografi**

Maklumat latar belakang sosiodemografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1. Seramai 900 orang pelajar sekolah menengah terpilih terlibat dalam kajian ini di mana paling ramai (27%) dari negeri Johor, diikuti dengan Sabah (22%). Mereka terdiri daripada 52% pelajar perempuan dan 47% lelaki. Dari segi etnik, 58% responden adalah Melayu, 28% Cina, 5% responden India dan selebihnya kaum-kaum lain dari Sabah dan Sarawak.

**Jadual 1 : Latar Belakang Sosiodemografi Responden**

<b>Angkubah</b>	<b>n</b>	<b>%</b>
<b>Lokasi (Zon)</b>		
Selangor (Tengah)	54	5.48
Pulau Pinang (Utara)	107	10.85
Terengganu (Timur)	172	17.44
Johor (Selatan)	270	27.38
Sarawak	169	17.14
Sabah	214	21.70
<b>Jantina</b>		
Lelaki	463	47.73
Perempuan	507	52.27
<b>Etnik</b>		
Melayu	562	57.64
Cina	273	28.00
India	47	4.82
Bumiputera Sabah/Sarawak	93	9.38
<b>Pendidikan bapa</b>		
Tidak pernah bersekolah	20	2.28
Sekolah Rendah	168	19.16
Sekolah Menengah	512	58.38
Universiti /Kolej	177	20.18

Pendidikan ibu		
Tidak pernah bersekolah	45	5.00
Sekolah Rendah	190	21.11
Sekolah Menengah	544	60.44
Universiti /Kolej	121	13.44

Dari segi kedudukan dalam ahli keluarga, didapati hanya 5% sahaja merupakan anak tunggal, kebanyakannya responden (42%) merupakan anak tengah. Ibu bapa merupakan agen pertama dalam memasyarakatkan ahli keluarga. Diteliti dari segi tahap pendidikan ibu bapa, paling ramai ibu bapa responden mendapat pendidikan pada tahap sekolah menengah iaitu 58% bapa dan 60% bagi ibu (Jadual 1). Walau bagaimanapun lebih ramai bapa yang mendapat pendidikan universiti/kolej berbanding ibu responden iaitu masing-masing 20% dan 13%. Lebih ramai ibu (21%) yang mendapat pendidikan setakat sekolah rendah berbanding bapa (13%).

Dari segi tahap pencapaian responden dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), hasil kajian mendapati tahap pencapaian responden adalah pada tahap yang memuaskan. Ini dapat digambarkan melalui Jadual 2, di mana 55% responden yang tidak memperoleh gred A dalam mana-mana mata pelajaran yang diambil. Hanya 3% sahaja yang memperoleh 7 A. Kebanyakan mereka memperoleh sekurang-kurangnya 2 gred B (22%) dan 3 gred C (20%).

**Jadual 2: Taburan Responden (%) Mengikut Jumlah Mata Pelajaran dan Gred Diperoleh Dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah**

Jumlah Mata Pelajaran	Gred				
	A	B	C	D	E
Tiada (0)	54.87	30.02	32.45	43.20	76.06
1	15.11	22.62	19.88	14.30	12.37
2	7.81	20.49	20.49	12.78	6.29
3	4.56	11.76	15.11	13.29	3.14
4	4.97	8.72	9.43	10.55	0.81
5	4.87	4.26	2.13	3.55	0.91
6	3.96	1.93	0.51	1.83	0.20
7	3.85	0.20	0.00	0.51	0.20

## **Penghayatan Nilai-nilai Kehidupan**

Kajian ini memberi tumpuan kepada 20 nilai-nilai kehidupan, yang dibahagikan kepada 3 kategori mengikut pembahagian oleh Gross, et.al (1980) iaitu nilai personal, nilai sosial dan nilai moral seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3. Statistik min digunakan untuk meneliti penilaian responden terhadap tahap penghayatan nilai-nilai yang disenaraikan. Semakin tinggi nilai min semakin baik penilaian responden terhadap penghayatan mereka ke atas nilai-nilai tersebut.

Keputusan kajian mengenai penghayatan nilai kehidupan dalam kalangan responden akan dibincangkan dalam dua bahagian. Pertama, penemuan secara menyeluruh dari segi penilaian responden terhadap nilai-nilai yang disenaraikan dan bahagian berikutnya akan meneliti hasil ujian statistik *t*, ANOVA (analisis varian) dan korelasi Pearson.

## **Penilaian Terhadap Nilai-nilai Kehidupan**

Hasil daripada analisis ini diberikan di dalam Jadual 3. Senarai bagi setiap kategori nilai disusun mengikut skor min setiap nilai iaitu daripada yang tertinggi hingga yang terendah. Secara umumnya hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai penghayatan nilai yang baik dalam kehidupan.

Dari segi penilaian responden terhadap nilai personal, hasil kajian menunjukkan nilai min yang dicatatkan adalah antara 2.32 hingga 3.16. Nilai yang mendapat min tertinggi adalah nilai kebersihan ( $\text{min}=3.16$ ) diikuti dengan nilai bersyukur ( $\text{min}=3.09$ ) dan mempunyai sikap yang positif ( $\text{min}=2.71$ ). Taburan responden juga menunjukkan bagi nilai kebersihan 41% yang menyatakan baik dan cemerlang 39%. Bagi nilai bersyukur 39% responden yang menyatakan baik dan 36% menyatakan cemerlang, manakala nilai bersikap positif pula 44% menyatakan baik.

Nilai personal yang mempunyai nilai min terendah adalah bermotivasi ( $\text{min}=2.3$ ), tekun dan bijaksana masing-masing mempunyai nilai min=2.4. Nilai min menunjukkan bahawa responden merasakan penghayatan nilai tersebut adalah di tahap memuaskan sahaja. Taburan responden menunjukkan bagi nilai bermotivasi hanya 36% yang menyatakan baik dan 5% sahaja yang menyatakan cemerlang. Manakala bagi tekun 35% yang menyatakan baik dan 8% yang menyatakan cemerlang. Secara keseluruhan purata bagi nilai personal adalah 2.63. Nilai min tersebut menunjukkan bahawa responden merasakan mereka mempunyai penghayatan nilai personal pada tahap di antara memuaskan dan baik sahaja.

Dari segi penilaian terhadap nilai moral, hasil kajian menunjukkan nilai jujur dan ikhlas, bersikap adil dan amanah menjalankan tugas mencatatkan nilai min yang hampir sama iaitu masing-masing 2.9, 2.8 dan 2.8. Nilai min menunjukkan bahawa responden merasakan mereka mempunyai penghayatan yang agak baik terhadap nilai-nilai tersebut.

**Jadual 3: Taburan Responden ( % ) Mengikut Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni**

Nilai	Tahap Penghayatan				Min*
	Tidak Memuaskan	Memuaskan	Baik	Cemerlang	
<b>Nilai Personal</b>					
Bersih	3.2	16.6	41	39.1	3.16
Bersyukur	3.1	21.5	38.9	36.4	3.09
Sikap yang positif	6.7	32.8	43.6	16.9	2.71
Keyakinan diri	8.2	32.3	40.6	18.9	2.71
Berdisiplin	7	32.4	45.5	15	2.70
Menepati masa	10.6	35.8	39.5	14.1	2.57
Gigih	11.5	40.8	38.7	9	2.46
Tegas diri	10.1	43.1	37	9.8	2.46
Bijaksana	11	42	35	9	2.38
Tekun	13.2	43.8	34.5	8.4	2.38
Bermotivasi	14.9	43.8	35.6	5.6	2.32
					<b>P=2.63</b>
<b>Nilai Moral</b>					
Jujur dan ikhlas	3	27.2	45.6	24.1	2.90
Bersikap adil	3.7	30	46.6	19.7	2.82
Amanah	5.6	29.6	41.2	23.5	2.82
					<b>P=2.84</b>
<b>Nilai sosial</b>					
Penyayang	3.4	20.2	41.2	35.2	3.08
Bertanggungjawab	3.6	24.9	47.7	23.8	2.92
Semangat menolong	3.7	24.8	46.3	25.2	2.92
Beradab sopan	4.3	27.6	47.2	20.9	2.84
Bekerjasama dalam kumpulan	5.40	29.5	44.8	20.3	2.80
Berbudi bahasa	5.4	29.3	46.3	19	2.79
					<b>P=2.89</b>

\*Nilai min antara 1 hingga 4, semakin tinggi nilai min semakin baik penghayatan nilai-nilai murni. P=Min keseluruhan.

Taburan responden juga menunjukkan antara nilai tersebut, nilai jujur dan ikhlas mempunyai peratus yang tinggi bagi tahap cemerlang iaitu 24% dan 46% baik. Manakala bagi nilai jujur dan ikhlas masing-masing 23.3% dan 22% bagi tahap yang sama. Lebih 60% daripada responden yang menyatakan baik bagi setiap nilai tersebut.

Bagi nilai sosial, skor min yang dicatatkan adalah di antara 2.79 hingga 3.08. Nilai yang mencatatkan min tertinggi adalah nilai penyayang, 3.08, diikuti oleh nilai bertanggungjawab dan semangat tolong menolong, masing-masing 2.92. Ini juga menunjukkan responden merasakan bahawa mereka mempunyai penghayatan nilai sosial yang agak baik. Taburan responden juga menunjukkan lebih 40% responden memberikan penilaian yang baik bagi semua nilai sosial yang disenaraikan. Hasil kajian mendapat tidak ramai (kurang 10%) yang memberikan penilaian di tahap tidak memuaskan.

Secara keseluruhannya majoriti responden memberikan penilaian di antara tahap memuaskan dan agak baik terhadap nilai yang disenaraikan. Purata keseluruhan nilai min adalah paling tinggi bagi nilai sosial (2.89), diikuti nilai moral (2.84) dan paling rendah adalah bagi nilai personal (2.63). Ini menunjukkan responden mempunyai tahap penghayatan nilai murni yang baik bagi nilai sosial dan moral dalam amalan kehidupan sehari-hari. Analisis juga memberi gambaran bahawa tidak ramai yang merasakan tahap penghayatan mereka ke atas nilai-nilai tersebut sampai di tahap cemerlang. Jadual 4 menunjukkan satu pertiga (33%) daripada responden merasakan tiada satu pun nilai yang disenaraikan dihayati pada tahap cemerlang. Paling ramai (39%) yang merasakan cemerlang hanya di antara satu hingga lima nilai sahaja. Hanya 7% sahaja responden yang mempunyai penghayatan yang cemerlang melebihi 10 jenis nilai yang disenaraikan. Walau bagaimanapun didapati tidak ramai responden yang mempunyai penghayatan nilai yang tidak memuaskan. Kajian mendapat hanya 1% sahaja responden yang mempunyai penghayatan yang tidak memuaskan dalam semua jenis nilai yang disenaraikan.

**Jadual 4 : Taburan Responden (%) Mengikut Jumlah Nilai dan Tahap Penghayatan**

Jumlah Nilai Murni	Tahap Penghayatan Nilai			
	Tidak Memuaskan	Memuaskan	Baik	Cemerlang
0 (tiada langsung)	63.2	63.2	11.4	32.9
1 hingga 5	29.8	29.8	21.4	39.5
6 hingga 10	4.4	4.4	38.4	19.9
11 hingga 15	1.9	1.9	20.9	5.6
16 hingga 20	0.7	0.7	7.9	2.2

## **Ujian Statistik**

Ujian statistik *t* dan analisis varians satu hala telah dilakukan untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan di antara beberapa faktor sosiodemografi iaitu gender, etnik, kedudukan dalam keluarga dan tahap pendidikan ibu bapa dari segi tahap penghayatan nilai-nilai yang dikaji. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk meneliti perkaitan di antara tahap pencapaian akademik dengan tahap penghayatan nilai yang diukur. Perbincangan seterusnya hanya dibuat ke atas keputusan ujian yang signifikan pada paras  $p \leq 0.05$  sahaja.

**Gender:** Dari segi faktor gender hasil ujian-t menunjukkan daripada 20 nilai yang disenaraikan, enam sahaja nilai yang didapati signifikan iaitu nilai keyakinan diri, gigih, tegas, bijaksana, tekun dan bermotivasi (Jadual 5). Semua nilai tersebut adalah merupakan nilai personal. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan dari segi min tahap penilaian yang diberikan terhadap nilai-nilai tersebut. Hasil kajian mendapati bagi nilai-nilai tersebut, nilai min responden lelaki lebih tinggi berbanding responden perempuan. Min responden lelaki bagi nilai keyakinan diri, gigih, tegas, bijaksana, tekun dan bermotivasi adalah masing-masing 2.76, 2.54, 2.54, 2.51, 2.46 dan 2.37 iaitu lebih tinggi berbanding min responden perempuan iaitu masing-masing 2.65, 2.38, 2.38, 2.28 dan 2.26. Ini menunjukkan responden lelaki merasakan bahawa mereka mempunyai keyakinan diri yang lebih baik, gigih, tegas, bijaksana dan lebih bermotivasi berbanding responden perempuan.

**Etnik:** Analisis bahagian ini membahagikan responden mengikut dua kumpulan etnik, iaitu Melayu dan bukan Melayu (Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak). Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penghayatan nilai mengikut etnik (Melayu dan bukan Melayu). Walau bagaimanapun perbezaan hanya wujud bagi lima daripada 20 nilai yang disenaraikan, iaitu tiga nilai personal (nilai bersih, bersyukur dan motivasi) dan masing-masing satu bagi nilai moral (jujur dan ikhlas) dan sosial (penyayang) (Jadual 5).

Antara nilai tersebut, didapati etnik bukan Melayu mempunyai tahap penghayatan yang lebih baik berbanding etnik Melayu hanya bagi nilai motivasi. Min bagi nilai motivasi bagi etnik bukan Melayu adalah 2.42 berbanding etnik Melayu 2.25. Ini dapat memberi gambaran bahawa etnik bukan Melayu lebih bermotivasi berbanding Melayu. Hasil kajian ini dapat mencerminkan ciri amalan kehidupan etnik tertentu di mana dikatakan bahawa etnik bukan Melayu, kebiasaananya lebih bermotivasi dan lebih berusaha berbanding etnik Melayu, manakala etnik Melayu lebih menunjukkan sikap menerima dan bersyukur.

Jadual 5 : Perbezaan Tahap Penghayatan Nilai Murni Mengikut Gender dan

Nilai	Gender		Nilai t	Kumpulan Etnik		
	Lelaki	Perempuan		Melayu	Bukan Melayu	Nilai t
<b>Nilai Personal</b>						
Bersih	3.12	3.18	-1.179	3.22	3.06	2.87*
Bersyukur	3.04	3.13	-1.601	3.22	2.89	5.92*
Sikap yang positif	2.72	2.68	0.708	2.67	2.76	-1.53
Keyakinan diri	2.76	2.65	2.039*	2.74	2.64	1.82
Berdisiplin	2.68	2.68	0.088	2.67	2.70	-0.52
Menepati masa	2.54	2.59	-0.847	2.53	2.64	-1.88
Gigih	2.54	2.38	3.078*	2.42	2.50	-1.43
Tegas diri	2.56	2.38	3.446*	2.45	2.50	-0.92
Bijaksana	2.51	2.28	4.240*	2.35	2.43	-1.37
Tekun	2.46	2.32	2.615*	2.37	2.40	-0.43
Bermotivasi	2.37	2.26	2.094*	2.25	2.42	-3.14*
<b>Nilai Moral</b>						
Jujur dan ikhlas	2.90	2.91	-0.087	2.96	2.83	2.50*
Bersikap adil	2.85	2.79	1.047	2.84	2.80	0.78
Amanah	2.80	2.84	-0.739	2.86	2.78	1.33
<b>Nilai sosial</b>						
Penyayang	3.04	3.12	-1.470	3.18	2.94	4.21*
Bertanggung-jawab	2.96	2.88	1.450	2.95	2.88	1.28
Semangat menolong	2.90	2.95	-0.871	2.93	2.93	0.02
Beradab sopan	2.86	2.83	0.392	2.87	2.81	1.15
Bekerjasama dalam kumpulan	2.78	2.81	-0.671	2.80	2.80	-0.14
Berbudi bahasa	2.79	2.78	0.081	2.81	2.76	0.87

#### Etnik

\*signifikan pada paras  $p \leq 0.05$

## Tahap pendidikan Ibu dan Bapa

Ibu bapa merupakan agen pertama berperanan dalam mempengaruhi pembentukan nilai-nilai kehidupan ahli keluarga. Latar belakang ibu bapa boleh menentukan perbezaan tahap penghayatan nilai ahli sesebuah keluarga. Kajian ini cuba meneliti sama ada terdapat perbezaan tahap penghayatan nilai oleh remaja mengikut latar belakang tahap pendidikan ibu bapa mereka. Analisis ujian ANOVA satu hala menunjukkan terdapat perbezaan dari segi tahap penghayatan nilai responden mengikut tahap pendidikan ibu bapa mereka (Jadual 6).

**Jadual 6: Perbezaan Tahap Penghayatan Nilai Mengikut Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa**

	Tahap Pendidikan Bapa				Tahap Pendidikan Ibu			
	Rendah	Sederhana	Tinggi	F*	Rendah	Sederhana	Tinggi	F*
<b>Nilai Personal</b>								
Bersih	3.07	3.13	3.34	5.453	3.07	3.17	3.30	3.342
				*				*
Bersyukur	3.03	3.07	3.21	2.413	3.05	3.09	3.20	1.327
Sikap yang positif	2.65	2.67	2.85	3.534*	2.65	2.73	2.70	0.681
Keyakinan diri	2.64	2.67	2.84	2.953	2.67	2.67	2.90	3.342*
Berdisiplin	2.73	2.68	2.70	0.327	2.72	2.68	2.66	0.212
Menepati masa	2.53	2.52	2.72	3.543*	2.55	2.55	2.66	0.822
Gigih	2.41	2.46	2.56	1.589	2.45	2.44	2.55	0.996
Tegas diri	2.40	2.45	2.61	3.108*	2.46	2.45	2.57	0.959
Bijaksana	2.24	2.40	2.54	5.933*	2.36	2.38	2.55	2.380
Tekun	2.39	2.37	2.44	0.442	2.41	2.36	2.45	0.854
Bermotivasi	2.28	2.30	2.41	1.353	2.37	2.28	2.41	1.855
<b>Nilai Moral</b>								
Jujur dan ikhlas	2.94	2.86	2.99	1.895	2.97	2.90	2.90	0.697
Bersikap adil	2.80	2.78	3.00	5.086*	2.88	2.77	3.04	6.238*
Amanah	2.78	2.81	2.93	1.602	2.80	2.82	2.92	0.835
<b>Nilai Sosial</b>								
Penyayang	3.05	3.03	3.27	5.759*	3.03	3.07	3.30	4.816*
Bertanggung-jawab	2.93	2.87	3.07	4.140*	2.88	2.91	3.02	1.201
Semangat menolong	2.84	2.89	3.09	5.228*	2.88	2.93	3.03	1.551
Beradab sopan	2.85	2.82	2.92	0.999	2.83	2.84	2.97	1.488
Bekerjasama dalam kumpulan	2.77	2.78	2.92	2.069	2.79	2.75	2.99	4.046*
Berbudi bahasa	2.82	2.75	2.91	2.711*	2.81	2.75	2.88	1.219

\*signifikan pada paras  $p \leq 0.05$

Bagi nilai personal, tahap pendidikan bapa menunjukkan perbezaan penghayatan ke atas lima nilai yang disenaraikan iaitu nilai-nilai bersih, sikap positif, menepati masa, bijaksana dan tegas diri, manakala pendidikan ibu

menunjukkan perbezaan penghayatan hanya ke atas dua nilai sahaja iaitu nilai bersih dan berdisiplin. Dari segi nilai min bagi setiap nilai tersebut, didapati ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan tinggi mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding ibu bapa yang mempunyai pendidikan sederhana dan rendah. Ini memberi gambaran bahawa responden yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi menunjukkan tahap penghayatan nilai yang lebih baik ke atas nilai-nilai tersebut berbanding kumpulan responden yang lain.

Bagi nilai moral, tahap pendidikan kedua ibu dan bapa menunjukkan perbezaan penghayatan ke atas nilai yang sama iaitu nilai bersikap adil. Analisis mendapati responden yang mempunyai ibu dan bapa berpendidikan tinggi memberikan nilai min tahap penghayatan nilai bersikap adil yang lebih tinggi berbanding kumpulan yang lain. Ini juga menunjukkan tahap penghayatan ke atas nilai bersikap adil adalah lebih baik bagi responden yang mempunyai ibu atau bapa yang berpendidikan tinggi berbanding kumpulan pendidikan yang lain.

Bagi nilai sosial pula, tahap pendidikan bapa menunjukkan perbezaan penghayatan ke atas empat daripada enam nilai yang disenaraikan iaitu nilai-nilai penyayang, bertanggungjawab, semangat menolong dan berbudi bahasa, manakala pendidikan ibu menunjukkan perbezaan penghayatan hanya ke atas dua nilai sahaja iaitu nilai penyayang dan bekerjasama dalam kumpulan. Dari segi nilai min bagi setiap nilai tersebut, pola yang sama ditunjukkan seperti mana nilai personal dan moral. Kajian mendapati ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan tinggi mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding ibu bapa yang mempunyai pendidikan sederhana dan rendah. Ini memberi gambaran bahawa responden yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi menunjukkan tahap penghayatan ke atas nilai-nilai tersebut yang lebih baik berbanding responden yang lain. Pola yang sama juga ditunjukkan dari segi nilai min, di mana responden yang mempunyai ibu bapa berpendidikan tinggi mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding responden yang mempunyai ibu bapa pendidikan sederhana dan rendah. Ini memberi gambaran bahawa responden yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan tinggi menunjukkan tahap penghayatan yang lebih baik ke atas nilai-nilai tersebut berbanding kumpulan responden yang lain.

Daripada analisis di atas, secara keseluruhannya didapati perbezaan tahap penghayatan nilai yang signifikan adalah lebih banyak bagi tahap pendidikan bapa berbanding tahap pendidikan ibu. Justeru perbezaan tahap pendidikan bapa dilihat mempengaruhi perbezaan tahap penghayatan ke atas lebih banyak nilai-nilai murni berbanding tahap pendidikan ibu.

### **Perkaitan antara Prestasi Akademik dengan Tahap Penghayatan Nilai**

Kajian ini juga cuba meneliti sama ada terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pencapaian gred dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan tahap penghayatan nilai dalam kalangan responden. Pencapaian

akademik diukur berdasarkan bilangan gred antara A hingga F bagi 7 mata pelajaran wajib bagi peperiksaan PMR iaitu Sains, Matematik, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi dan teras Kemahiran Hidup. Hasil ujian korelasi Pearson, menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara tahap pencapaian akademik dengan tahap penghayatan nilai-nilai murni yang dikaji. Jadual 7 menunjukkan semakin banyak dan semakin baik gred yang diperoleh oleh responden, semakin tinggi tahap penghayatan nilai-nilai personal, sosial dan moral. Sebaliknya semakin banyak dan semakin rendah gred yang diperoleh dalam peperiksaan PMR, semakin rendah tahap penghayatan nilai oleh responden sama ada nilai personal, sosial dan moral. Ini jelas menunjukkan bahawa amalan nilai murni dalam kehidupan boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik seseorang pelajar iaitu lebih baik penghayatan, lebih baik tahap pencapaian akademik.

**Jadual 7: Hasil Ujian Pekali Korelasi Pearson antara Penghayatan Nilai (personal, murni dan sosial) dengan Tahap Prestasi Akademik**

Jenis Nilai	Pencapaian Gred dalam PMR					
	A	B	C	D	E	F
Personal	0.163*	0.139*	-0.119*	-0.157*	-0.155*	-0.004
Moral	0.123*	0.132*	-0.084*	-0.130*	-0.173*	-0.041
Sosial	0.110*	0.167*	-0.079*	-0.146*	-0.155*	-0.002

\*signifikan pada paras  $p \leq 0.05$

### Kesimpulan dan Implikasi

Kajian ini meneliti penilaian pelajar terhadap nilai-nilai murni yang mereka miliki dan bagaimana ia berbeza mengikut faktor latar belakang terpilih serta berkait dengan pencapaian akademik. Hasil kajian menunjukkan responden memberi penilaian yang agak baik bagi nilai personal, moral dan sosial. Terdapat juga perbezaan yang agak luas bagi penghayatan terhadap nilai personal. Selain itu perbezaan nilai dari segi gender berkait rapat dengan cara hidup dan budaya masyarakat yang menekankan rol yang berbeza di antara gender. Situasi ini jelas dilihat dalam hasil kajian ini. Ini menunjukkan masyarakat terus mengamalkan perbezaan tersebut. Namun jika nilai tersebut adalah baik kepada kedua gender, ia perlu diberi perhatian yang lebih seimbang.

Hasil kajian yang menunjukkan pelajar bukan Melayu lebih bermotivasi berbanding pelajar Melayu juga perlu diberi perhatian. Punca dan sebab mengapa ia berlaku perlu dikenal pasti. Mungkin juga ia berkait dengan pegangan agama atau cara hidup di mana pelajar Melayu lebih menunjukkan sikap menerima dan bersyukur. Ini juga berkait dengan nilai bersederhana dan seimbang yang selalu ditekankan dalam kehidupan keluarga etnik Melayu.

Ujian statistik ANOVA juga menunjukkan tahap pendidikan bapa mempunyai banyak pengaruh terhadap penghayatan nilai anak-anak mereka berbanding ibu. Ini juga menunjukkan tahap pendidikan bapa lebih penting dalam menentukan pegangan nilai anak-anak mereka. Justeru sebagai bapa, sudah pastinya mereka harus menjadi rol model yang baik agar tingkah laku mereka dapat dicontohi oleh anak-anak. Selain itu hasil kajian jelas menunjukkan amalan nilai murni dalam kehidupan boleh mempengaruhi tahap pencapaian akademik para pelajar, di mana lebih baik amalan dan penghayatannya, prestasi akademik pelajar menjadi lebih baik. Antara yang dianggap penting dan perlu ditekankan terutama bagi pelajar yang mempunyai pencapaian gred yang rendah dalam peperiksaan adalah nilai motivasi, tekun dan bijaksana. Faktor ini perlu diberi perhatian oleh ibu bapa, guru dan masyarakat sama ada di rumah maupun di sekolah untuk meningkatkan motivasi, ketekunan dan kebijaksanaan pelajar tersebut.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa penghayatan dan amalan nilai yang baik dalam kehidupan remaja perlu diteruskan sejajar dengan visi negara untuk melahirkan anak bangsa yang cemerlang. Sistem pendidikan yang berkualiti mampu menyediakan pelajar yang mempunyai ciri-ciri peribadi yang unggul bagi menangani cabaran negara dan arus dunia tanpa sempadan. Pendidikan sebagai agen pembangunan manusia boleh membina pelbagai nilai dalam kehidupan. Justeru elemen-elemen pendidikan yang boleh meningkatkan penghayatan nilai budaya yang baik dalam kehidupan perlu terus diterapkan dalam mata pelajaran atau aktiviti yang dilaksanakan di peringkat sekolah atau di luar sekolah sama ada secara formal atau tidak formal. Ini secara tidak langsung dapat menjana generasi yang mempunyai keperibadian yang tinggi dan mampu meneruskan agenda pembangunan serta memacu Malaysia merealisasikan wawasan untuk menjadi sebuah negara maju yang dinamik dan terpimpin menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri.

Nilai murni yang dijadikan asas membangun kurikulum dan kokurikulum dalam pengajaran serta pembelajaran penting kerana interaksi sesama anggota masyarakat memerlukan nilai bersama yang dikongsi. Nilai jujur, ikhlas, amanah, adil, bijaksana umpamanya terkandung maksud diperlukan oleh fitrah manusia. Kasih sayang dan percaya antara satu dengan lain terbina atas dasar ini. Minda generasi muda penting diperkasa dan pada masa yang sama kemahiran berfikir perlu diberi. Antara kekuatan minda dan kemahiran berfikir, ia perlu dipandu oleh nilai. Tanpa nilai, apa yang difikirkan boleh menjadikan pemikiran hampa dan kosong. Pemikiran tidak mendukung sesuatu bermakna dan memberi erti kepada kehidupan manusia sehingga nilai memberi pedoman dan jalan membangun hidup yang maju serta bermanfaat.

## Rujukan

- Baumeister, R.F (1991). *The Meaning of Life*. New York : Juilford.
- Battista, J. dan Almond, R. (1993). The Development of Meaning of Life. *Psychiatry*.36. 409-427.
- Debats, D,L (1999). Sources of Meaning : An investigation of Significant Commitment in Life. *Journal of Humanistic Psychology*. 39. 30-57.
- Deacon dan Firebaugh (1998). *Family Resource Management: Principle and Application*. New York : Allon Bacon.
- Dio, Lina D., C. Saragovi, R. Koestner, J. Aube (1996). Linking personal values to gender. *Journal of Personality*. 63, 879-904.
- Feather, N.T (1975). *Values in Education and Society*. New York: Macmillan
- Gross, I.H., Crandall, E.W., and Knoll, M.M (1980). *Management for Modern Families*. New Jersy : Prentice Hall.
- Kamarudin J dan Hazami H (ed). (1993). Wawasan 2020. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.
- Kluckhohn, Florance R. dan F.L Stottbeck (1961). *Variations in Value Orientation*. Evanston III: Row Peterson.
- Mohd. Kamal Hassan (1983). Nilai-nilai universal Islam tentang kesejahteraan masyarakat. Kertas kerja di Seminar Sehari Mengenai Islam dan Kebudayaan. Kuala Lumpur.
- Rokeach, M (1968). *Beliefs, Attitudes and Values. A theory of Organization and Change*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Rokeach, M (1973). *The Nature of Human Values*. New York: The Free Press.
- Schwartz, S.H. and W. Bilsky (1987). Toward a Universal Content and Structure of Values. *Journal of Personality and Social Psychology*. 58, 878-891.
- Spranger, E. (1999). *Types of Men: The Psychology and Ethnic or Personality*. New York: Johnson.
- Van Lange, P. A.M., dan Liebrand, W.B.G (1991). Social Value Orientation and Intelligence: A Test of the Goal Prescribe Rasionality Principle. *European Journal of Social Psychology*, 21, 273-292.

Wan Mohd Nor Wan Daud, (1996). Insan Baik Teras Kewarganegaraan. *Pemikir*. (Jan-Mac).

Zainal Kling (2004). Nilai dan Masyarakat. Kertas Kerja di Seminar Nilai dan Pembangunan Sosial: Ke Arah Pemantapan Dasar Sosial Negara (DSN). Kuala Lumpur.